

28 FEB 1998

CARSEM NAK TERUS BANYAK MELABUR DALAM EKONOMI MALAYSIA

IPOH, 28 Feb (Bernama) -- Pengeluar alat ganti elektronik dan anak syarikat Malaysia Pacific Industries Bhd, Carsem (Malaysia) Sdn Bhd, akan terus melabur dengan banyaknya di Malaysia walaupun dalam kelembapan ekonomi sekarang.

Carsem, yang pelanggannya terdiri daripada pelanggan-pelanggan antarabangsa dan mempunyai pejabat di Boston, Dallas, San Francisco, Los Angeles, London dan Tokyo, berkata ia mempunyai kunci kira-kira yang kukuh dan mencatat jualan berjumlah RM650 juta setahun.

Ketika berucap pada perayaan ulangtahun ke-25 syarikat itu hari ini, pengarah urusannya, David Comley berkata Carsem bangga memiliki kebolehan untuk bersaing dengan jayanya di dunia sebagai sebuah syarikat berorientasikan eksport Malaysia.

Carsem, bersama dengan syarikat sekutu Carsem Semiconductor Sdn Bhd dan pembuat bingkai plumbum Dynacraft Industries, dianggap sebagai bahagian separa konduktor kumpulan Hong Leong melalui Malaysian Pacific Industries.

Katanya Carsem akan menambah sejumlah RM100 juta ke dalam ekonomi Ipoh melalui pembayaran upah dan sejumlah RM130 juta lagi ke dalam ekonomi Malaysia dalam bentuk pembelian tempatan.

Selain itu, sejumlah RM750 juta telah dilaburkan dalam kemudahan dan kelengkapan syarikat itu yang merupakan majikan perusahaan terbesar dengan tenaga kerja berjumlah 6,000 orang dan dua buah kilang di sini.

Ia telah memenangi Anugerah Kualiti Hong Leong sejak dua tahun lalu dan menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Berkualiti daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lalu.-- BERNAMA

RZS KY MA